

# Miskawayh: Seorang Pemikir Etika Yang Unggul

Oleh

Mohamed Imran Mohamed Taib

---

## Falsafah Etika

Seorang pemikir kontemporer yang tidak asing lagi, Fazlur Rahman, pernah mengatakan yang tugas utama masyarakat Islam hari ini ialah untuk membentuk suatu orde baru yang berlandaskan pemikiran etika yang jitu.

Jikalau kita saksikan perkembangan pemikiran Islam di zaman awal, memang terdapat satu jaluran falsafah yang telah membincangkan permasalahan dan isu-isu etika – atau lebih dikenali sebagai falsafah etika.

Di sini, saya ingin membincangkan sumbangan seorang pemikir Islam yang mungkin jarang diperdengarkan, namun, penulisan beliau telah banyak mempengaruhi perkembangan falsafah etika di kalangan pemikir-pemikir sesudahnya. Pemikir ini ialah Ahmad ibn Muhammad Miskawayh. Dilahirkan pada tahun 932CE di Parsi, para sarjana telah menganggapnya sebagai seorang pemikir etika yang unggul di dalam tradisi intelektual Islam. Malah, ramai sarjana yang telah menunjukkan betapa pemikiran beliau banyak mempengaruhi sistem etika para ahli falsafah yang terkemudian seperti Abu Hamid al-Ghazali, Nasiruddin al-Tusi dan Jalaluddin al Dawwani.

## Tahdib al-Akhlaq

Salah satu tulisan unggul Miskawayh ialah *Tahdib al-Akhlaq*, atau *Menuju Kesempurnaan Akhlaq*. Tulisan ini bertitik tolak dari pandangan yang menganggap bahawa manusia mampu merubah dirinya melalui pemupukan nilai-nilai (atau virtues) yang digarap daripada sikap mental yang rasional. Dalam erti kata lain, watak seseorang itu boleh berubah melalui pendidikan dan latihan.

Ada beberapa perkara penting yang boleh kita pelajari daripada wacana etika Miskawayh seperti yang dibincangkan di dalam buku *Tahdib al-Akhlaq* ini.

**Pertama**, Miskawayh berpendapat yang nilai tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan bermasyarakat. Sebagai contoh, bolehkah seseorang yang mengasingkan dirinya daripada masyarakat untuk beribadat kepada Tuhannya, dikatakan sebagai mempunyai sifat terpuji seperti adil, sifat terbuka dan kesederhanaan? Di dalam penilaian Miskawayh, perkataan insan itu sendiri berasal daripada perkataan ‘uns – iaitu kesaudaraan atau fellowship - dan bukannya nisywan atau pelupa seperti yang dipercayai oleh segolongan ahli nahu Arab. Atas landasan inilah Miskawayh menolak amalan zuhud atau asketisme. Seseorang yang beruzlah – iaitu mengasingkan diri daripada kehidupan bermasyarakat - tidak boleh mempunyai sifat-sifat terpuji kerana nilai itu hanya boleh wujud di dalam konteks masyarakat.

**Kedua**, Miskawayh beranggapan bahawa kebaikan (*al-**khair***) dan kebahagiaan (*al-**sa’ad***) dapat diwujudkan di dalam kehidupan dunia tanpa perlu menunggu datangnya di alam akhirat. Manusia bukanlah ciptaan yang terperangkap di dalam jasad yang hina dan perlu meninggalkan kehidupan dunia semata-mata mahu mengecapi kebahagiaan akhirat. Miskawayh meyakinkan kita yang kebaikan dan kebahagiaan itu mampu diwujudkan di dunia ini sekiranya ada jalinan persaudaraan dan sifat cinta-menyintai sesama manusia.

## **Penerapan Wacana**

Melalui perbincangan yang baru diperkatakan tadi, ada dua perkara yang boleh kita pelajari dan terapkan di dalam wacana Islam masyarakat kita hari ini.

**Pertama**, sistem etika Miskawayh menunjukkan sifat universalismenya yang ketara dan nyata. Dalam erti kata lain, kita perlu memikirkan semula sama ada masyarakat kita mampu mengembalikan sifat keterbukaan ini untuk mempelajari sistem-sistem etika yang telah diperhalusi, tidak kira dari mana ianya terbit. Sebagai contoh, bolehkah kita terus menolak etika-etika seperti sifat demokratik dan sivik atas dasar ianya terbit daripada wacana Barat?

**Kedua**, Miskawayh menunjukkan betapa pentingnya memupuk nilai-nilai yang baik demi mewujudkan masyarakat madani dan holistik. Di dalam erti kata lain, nilai itu tidak boleh bersifat pentingkan diri sendiri, semata-mata kerana mahukan keselamatan diri sendiri di akhirat (atau personal salvation) tanpa menghiraukan masyarakat sekeliling. Jikalau kita memandangi nilai seseorang dari aspek luaran seperti cara dia berpakaian serta ritual-ritual khusus, kita akan mudah terlupa pada nilai dalaman yang penting seperti sifat adil, toleransi, keterbukaan, saksama dan sebagainya.

Pada hari ini, wacana yang bersifat etika kurang diperkatakan. Di sinilah para penggerak masyarakat seperti elita agama, perlu memperkenalkan pemikiran etika yang amat kaya di dalam tradisi intelektual Islam. Ianya amat relevan dan penting, terutama di zaman di mana kita sering diperdengarkan akan adanya semacam pertembungan budaya dan perpecahan atau fragmentasi umat manusia. Sistem etika yang universal dan pertanggungjawapan terhadap keadaan masyarakat hanya boleh wujud jika kita dapat mengapresiasi kembali pemikiran etika seperti yang terdapat di dalam wacana etika Miskawayh.

[August 2004]